

MEKANISMA PERUNDANGAN BAGI KUTIPAN ZAKAT PERNIAGAAN BAGI ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI KEDAH

LEGAL MECHANISMS FOR THE COLLECTION OF BUSINESS ZAKAT FOR SUBSIDIARY COMPANIES OF THE KEDAH STATE GOVERNMENT

Mohd Zakhiri Md Nor¹
Ahmad Nasyran Azrae²
Alias Azhar³
Ani Munirah Mohamad⁴
Suraidi Saad⁵

¹ Institute of Shariah Governance and Islamic Finance (ISGaIF), Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (zakhiri@uum.edu.my)

² School of Law, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (nasyran@uum.edu.my)

³ School of Law, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (az.alias@uum.edu.my)

⁴ School of Law, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (animunirah@uum.edu.my)

⁵ Lembaga Zakat Kedah (LZNK), Kedah, Malaysia, (suraizakatkedah@gmail.com)

Article history

Received date : 17-5-2025
Revised date : 18-5-2025
Accepted date : 5-7-2025
Published date : 15-7-2025

To cite this document:

Md. Nor, M. Z., Azrae, A. N., Azhar, A., Mohamad, A. M. & Saad, S. (2025). Mekanisme perundangan bagi kutipan zakat perniagaan bagi Anak Syarikat Kerajaan Negeri Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 1017 - 1029.

Abstrak: Zakat perniagaan adalah salah satu bentuk zakat yang dikenakan ke atas harta perniagaan. Ia merujuk kepada kewajipan ke atas pemilik perniagaan untuk mengeluarkan sebahagian daripada keuntungan perniagaan mereka untuk diberikan kepada golongan asnaf yang layak. Namun, terdapat beberapa cabaran yang menghalang keberkesanan zakat perniagaan dikenakan terhadap syarikat yang beroperasi, biarpun syarikat tersebut adalah anak syarikat milikan kerajaan negeri. Antaranya, kurang kesedaran di kalangan peniaga mengenai kewajipan dan kepentingan membayar zakat perniagaan, ketiadaan rebat cukai untuk entiti korporat di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, dan peruntukan undang-undang yang longgar dalam kutipan zakat serta persepsi bahawa tanggungjawab sosial korporat (CSR) lebih tinggi daripada kewajipan membayar zakat. Khusus bagi skop anak syarikat milikan kerajaan negeri, kajian ini membuat perbandingan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 dan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia bagi kutipan zakat anak syarikat di bawah kerajaan negeri, menganalisis portal laman web anak syarikat Negeri Kedah berkaitan kewajipan pembayaran zakat, dan mencadangkan mekanisme perundangan dalam kutipan dan penaksiran zakat anak syarikat kerajaan negeri Kedah. Menggunakan pendekatan kajian perpustakaan dan analisis dokumen perundangan, kajian ini turut menemubual beberapa orang pegawai daripada anak syarikat, penasihat Syariah dan juga ahli akademik. Kajian mendapati undang-undang di beberapa negeri di Semenanjung tidak memperuntukkan secara

husus mengenai kewajiban mengeluarkan zakat perniagaan, serta tadbir urus dan tatacara di Pusat Zakat terpilih menyediakan maklumat mengenai zakat perniagaan, namun tiada tindakan perundangan yang boleh dikenakan sekiranya bayaran zakat perniagaan tidak dibuat. Di samping itu, para peniaga juga tidak meletakkan penekanan untuk membayar zakat memandangkan peruntukan undang-undang sivil (seperti cukai perniagaan, pelepasan/rebat cukai, dan lain-lain) lebih teratur untuk tujuan cukai pendapatan berbanding zakat perniagaan. Oleh itu, keputusan untuk membuat bayaran zakat perniagaan adalah secara sukarela di pihak anak syarikat milikan kerajaan negeri, dan tiada asas kukuh untuk menjadikan pembayaran zakat perniagaan tersebut sebagai satu kewajiban. Implikasi kajian ini adalah memperkenalkan cadangan mekanisme perundangan dalam kutipan dan penaksiran zakat anak syarikat kerajaan negeri Kedah, yang dihasratkan dapat menjadi rujukan Lembaga Zakat Negeri Kedah selepas ini.

Kata Kunci: Zakat Perniagaan, Harta Perniagaan, Anak Syarikat, Syarikat Milikan Kerajaan Negeri

Abstract: *Business zakat is a form of zakat imposed on business assets. It refers to the obligation on business owners to withdraw a portion of their business profits to be given to eligible asnaf groups. However, there are several challenges that hinder the effectiveness of business zakat imposed on operating companies, even if the company is a state government-owned subsidiary. Among them, there is a lack of awareness among traders about the obligation and importance of paying business zakat, the absence of tax rebates for corporate entities under the Income Tax Act 1967 and lax legal provisions in zakat collection as well as the perception that corporate social responsibility (CSR) is higher than the obligation to pay zakat. Specifically for the scope of state government-owned subsidiaries, this study compares the Kedah Darul Aman Zakat Board Enactment 2015 and states in Peninsular Malaysia for the collection of zakat by subsidiaries under the state government, analyses the website portal of Kedah State subsidiaries regarding the obligation to pay zakat, and proposes a legal mechanism in the collection and assessment of zakat by Kedah state government subsidiaries. Using a library research approach and legal document analysis, this study also interviewed several officers from subsidiaries, Shariah advisors and academics. The study found that laws in several states in the Peninsular do not specifically provide for the obligation to pay business zakat as well as the governance and procedures at selected zakat centres provide information on business zakat, but no legal action can be taken if business zakat payments are not made. In addition, traders also do not place emphasis on paying zakat since the provisions of civil law (such as business tax, tax relief/rebate, etc.) are more organised for income tax purposes than business zakat. Therefore, the decision to pay business zakat is voluntary on the part of state government-owned subsidiaries, and there is no solid basis for making the payment of business zakat an obligation. The implication of this study is to introduce a proposed legal mechanism in the collection and assessment of zakat by Kedah state government subsidiaries, which is intended to be a reference for the Kedah State Zakat Board in the future.*

Keywords: Zakat on Business, Business Property, Subsidiaries, State Government-Owned Companies

Pengenalan

Zakat adalah salah satu daripada lima rukun Islam yang wajib dipenuhi oleh setiap Muslim yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Zakat berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud "membersihkan" atau "menyucikan". Dari segi istilah, zakat bermakna pemberian harta tertentu dengan kadar tertentu kepada golongan tertentu yang memerlukan, seperti yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Ia bertujuan untuk membersihkan harta dan jiwa, serta membantu golongan yang kurang bernasib baik (Lembaga Zakat Selangor (n.d)).

Zakat berfungsi sebagai alat pemulangan semula (redistribution) kekayaan di kalangan masyarakat, di mana ia bertujuan untuk mengurangkan jurang antara golongan kaya dan miskin. Dalam Islam, zakat bukan sahaja dilihat sebagai tanggungjawab sosial tetapi juga sebagai ibadah yang mendekatkan seseorang kepada Allah SWT (Ikramshare, 2024).

Zakat perniagaan adalah salah satu bentuk zakat yang dikenakan ke atas harta perniagaan. Ia merujuk kepada kewajipan ke atas pemilik perniagaan untuk mengeluarkan sebahagian daripada keuntungan perniagaan mereka untuk diberikan kepada golongan asnaf yang layak. Zakat perniagaan ini wajib dikeluarkan apabila syarat-syarat tertentu dipenuhi, termasuklah syarat nisab (jumlah minimum harta yang wajib dizakatkan) dan haul (tempoh masa setahun) (Pungutan Zakat MAWIP (n.d)).

Perniagaan yang diwajibkan zakat termasuklah perniagaan dalam bentuk perniagaan runcit, borong, perusahaan, pelaburan, dan apa-apa sahaja aktiviti perniagaan yang menghasilkan keuntungan. Kadar zakat perniagaan adalah 2.5% daripada nilai harta perniagaan yang layak dizakatkan. Nilai ini diambil berdasarkan harga pasaran pada akhir tahun perniagaan (Pungutan Zakat MAWIP (n.d)).

Khusus bagi tujuan zakat perniagaan, Enakmen perundangan ada menyatakan peruntukan perihal zakat, seperti punca kuasa untuk memungut zakat dan zakat fitrah, tadbir urus, polisi/dasar dan tatacara pungutan/kutipan zakat, serta hukuman kesalahan berkaitan zakat. Semua negeri-negeri di Malaysia membuat peruntukan undang-undang mengenai kutipan dan agihan zakat serta cara-cara pentadbirannya. Kertas kerja ini akan membincangkan mekanisme perundangan bagi kutipan zakat perniagaan bagi anak syarikat kerajaan negeri Kedah secara khusus.

Metodologi Kajian

Pendekatan kajian yang digunakan ialah kajian perpustakaan dan lapangan bagi mengkaji mandat dan mekanisme kutipan zakat perniagaan dalam kalangan anak syarikat negeri. Sumber data bagi kajian ini terbahagi kepada empat. Pertama sekali, sumber utama kajian ini ialah enakmen undang-undang berkaitan zakat di negeri Kedah secara khusus. Sumber data kedua ialah dari anak syarikat terpilih di bawah kerajaan negeri Kedah, ahli penasihat Syariah dan juga ahli akademik.

Instrumen kajian yang digunakan adalah dalam dua bentuk, iaitu sebarang dokumen berkaitan yang diperolehi atau diberikan oleh anak syarikat, seperti rujukan kepada laman web anak-anak syarikat di bawah kerajaan negeri Kedah, dan keduanya, ialah menggunakan instrumen temubual separa berstruktur.

Para penulis menganalisis data melalui tiga (3) kaedah analisis iaitu, analisis perundangan (*legal analysis*) bagi enakmen undang-undang zakat, semakan dokumen (*document review*) bagi dokumen anak syarikat dan analisis bertema (*thematic analysis*) bagi data temubual.

Perbincangan

Kewajipan Membayar Zakat Perniagaan

Terdapat beberapa bukti yang menekankan kewajipan membayar zakat perniagaan. Antara bukti tersebut adalah seperti berikut:

Firman Allah SWT:

“(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingat Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.”

[Surah Al-Nur (24): 37]

Firman ini jelas menunjukkan bahawa orang yang beriman tidak akan lalai daripada membayar sebahagian daripada hasil keuntungan perniagaan atau aktiviti jual beli mereka yang menjadi rezeki sebahagian manusia yang lain.

Sementara itu, terdapat juga hadith Nabi yang menyentuh perkara ini. Salah satunya, Samurah bin Jundub menyatakan:

“Sesungguhnya Rasulullah memerintahkan kami untuk mengeluarkan sedekah (zakat) daripada apa yang kami persiapkan untuk diperniagakan.”

[Hadith riwayat Abu Daud].

Hadith ini ternyata merujuk kepada zakat perniagaan serta aktiviti perniagaan.

Anas RA meriwayatkan bahawa Abu Bakar RA menetapkan baginya apa yang difardhukan oleh Rasulullah SAW:

“Dan jika sesuatu harta berkongsi bercampur oleh dua orang, maka keduanya saling mengeluarkan zakat dengan adil (sesuai dengan kadar atau bahagian masing-masing)”

[Hadith riwayat Bukhari].

Hadith di atas bukan sahaja menunjukkan akan kewajiban membayar zakat, malahan boleh dijadikan rujukan untuk peniaga yang mempunyai rakan kongsi bukan Islam. Walau bagaimanapun, kadar zakat perniagaan yang dibayar adalah bergantung kepada bahagian masing-masing.

Cara Perkiraan Kadar Bayaran Zakat Perniagaan

Secara amnya, cara pengiraan bayaran zakat Perniagaan yang perlu dibuat adalah seperti berikut:

- i. Pendapatan tunai (termasuk di bank) dan modal + Nilai inventori + Nilai kredit (seperti pinjaman perniagaan) – Perbelanjaan dan hutang perniagaan = Baki
- ii. Baki daripada pengiraan di atas, jika ia mencukupi nilai nisab (atau melebihi) kemudian didarab dengan kadar 2.5%. Jumlah ini merupakan jumlah yang perludibayar.

Dalam konteks ini, terma-terma yang digunakan adalah seperti berikut:

- **Inventori:** Stok barangan termasuk bahan mentah dan barangan untuk jualan.
- **Perbelanjaan:** Termasuk gaji pekerja, bayaran sewa pejabat atau tapak jualan, bil elektrik dan sebagainya (Pusat Pungutan Zakat-MAIWP. (n.d.).

Nisab dan Kadar Pembayaran Zakat Perniagaan

Nisab zakat perniagaan ditetapkan pada kadar 2.5% daripada keuntungan bersih tahunan, iaitu setelah cukup tempoh haul. Nisab ini ditentukan berdasarkan nilai 85 gram emas, yang dianggarkan bernilai RM24,007.00 mengikut kemas kini terakhir pada Januari–Jun 2024. Namun, perlu diingat bahawa nilai ini boleh berubah mengikut harga emas semasa. Selain itu, nisab zakat juga boleh dikira berdasarkan nilai perak, yang melibatkan jumlah 595 gram perak.

Justeru, jika keuntungan dan nilai aset perniagaan mencapai atau melebihi RM24,007.00 ini, zakat perniagaan wajib dikeluarkan setelah cukup haul. Kebiasaannya, kebanyakan peniaga atau pemilik syarikat mengira tempoh haul bermula dari bulan Januari hingga Disember. Pengiraan ini memudahkan proses untuk menolak jumlah yang perlu dibayar daripada pengiraan cukai pendapatan atau cukai perniagaan bagi tahun tersebut.

Walau bagaimanapun, adalah disarankan agar pembayar zakat yang menggunakan kalendar Masihi (Januari hingga Disember) mengikut kiraan yang ditetapkan oleh Accounting and Auditing Organization of Islamic Financial Institutions (AAOIFI), di mana nisab ditetapkan pada 2.577%.

Mekanisme Kutipan Zakat Perniagaan di Negeri Kedah

Kajian oleh Ahmad et al. (2021) menekankan kepentingan pendekatan proaktif oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN) dalam meningkatkan kutipan zakat perniagaan. Mereka mencadangkan pelaksanaan mekanisme seperti kempen kesedaran, kerjasama strategik dengan entiti perniagaan, dan insentif bagi menggalakkan pembayaran zakat. Pendekatan ini dapat membantu mengatasi cabaran dalam kutipan zakat di kalangan anak syarikat kerajaan negeri dan sektor perniagaan lain.

Selain itu, penggunaan teknologi maklumat seperti platform pembayaran zakat atas talian dan seruan di media sosial juga dapat meningkatkan kesedaran dan memudahkan proses pembayaran zakat. Kempen ziarah ke kompleks perniagaan bagi mendekati usahawan Muslim, termasuk di luar waktu pejabat, merupakan salah satu inisiatif yang boleh dilaksanakan untuk mendekati pihak LZKN dengan para peniaga (Ahmad et al., 2021).

Menurut peruntukan enakmen zakat, syarikat yang wajib membayar zakat mesti dimiliki sepenuhnya atau sebahagian besarnya oleh Muslim. Dalam Seksyen 18 Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015, zakat adalah diwajibkan bagi harta/pendapatan yang dimiliki oleh individu Muslim. Sekiranya syarikat mempunyai pemilikan campuran, dengan majoriti saham dipegang oleh bukan Muslim, ia mungkin tidak diwajibkan untuk membayar zakat

sepenuhnya. Ini menjadi cabaran dalam mengenakan zakat ke atas syarikat besar yang dimiliki bersama oleh Muslim dan bukan Muslim, terutama jika majoriti pemilik adalah bukan Muslim. Namun, pihak LZNK mempunyai mekanisme dan pendekatan pelbagai berdasarkan orientasi pihak syarikat. Mekanisme-mekanisme LZNK adalah seperti di bawah.

Aktiviti Syarikat Tidak Sepenuhnya Mendatangkan Hasil Menguntungkan

Zakat hanya diwajibkan ke atas syarikat yang memenuhi syarat nisab (paras minimum keuntungan) dan haul (tempoh masa setahun). Jika syarikat gagal mencapai keuntungan yang mencukupi, ia tidak wajib dikenakan zakat. Syarikat yang kurang menguntungkan atau tidak stabil dalam prestasi kewangan mungkin tidak tertakluk kepada pembayaran zakat. Oleh itu, cabaran timbul dalam menentukan sama ada syarikat tersebut layak dikenakan zakat setiap tahun berdasarkan hasil mereka.

Syarikat Lebih Memilih Melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Banyak syarikat lebih mengutamakan CSR daripada zakat perniagaan kerana CSR memberi peluang untuk meningkatkan imej dan reputasi syarikat di peringkat global. Walaupun CSR tidak mempunyai asas dalam hukum syarak untuk menggantikan kewajipan zakat, ia sering dianggap sebagai cara yang lebih praktikal bagi syarikat untuk menunjukkan sumbangan sosial. Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 menyebut bahawa kutipan zakat mestilah dilakukan mengikut hukum syarak, dan ia adalah kewajipan yang tidak boleh digantikan dengan inisiatif lain seperti CSR. Walau bagaimanapun, keutamaan terhadap CSR oleh syarikat menyukarkan Lembaga Zakat untuk memastikan syarikat-syarikat mematuhi kewajipan zakat.

Syarikat Memilih Insentif Undang-Undang Sivil dan Membayar Cukai

Di Malaysia, insentif cukai hanya diberikan kepada individu yang membayar zakat, dan tidak kepada syarikat. Hal ini menyebabkan syarikat lebih cenderung untuk menunaikan kewajipan cukai pendapatan di bawah undang-undang sivil, kerana cukai menyediakan potongan dan rebat yang lebih jelas dan menguntungkan. Dalam konteks ini, Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 menetapkan kewajipan syarikat untuk membayar zakat, namun tiada insentif cukai yang berkaitan dengan zakat bagi entiti perniagaan. Ini menjadikan syarikat lebih cenderung menumpukan kepada pembayaran cukai yang mempunyai penalti dan penguatkuasaan yang lebih ketat berbanding zakat. Syarikat yang memilih untuk memanfaatkan potongan cukai atau insentif lain di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 mungkin kurang memberi keutamaan kepada pembayaran zakat, terutamanya jika zakat tidak mempunyai penguatkuasaan yang sama ketat dengan cukai.

Ketiadaan insentif fiskal dan penguatkuasaan yang kurang ketat, bersama dengan kecenderungan syarikat memilih program CSR dan insentif cukai sivil, menjadikan pengenaan kewajipan zakat perniagaan lebih sukar dilaksanakan. Peruntukan zakat dalam Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 memastikan bahawa zakat hanya dikenakan kepada syarikat yang memenuhi syarat syariah, namun cabaran-cabaran ini memerlukan tindakan lebih lanjut untuk meningkatkan kepatuhan zakat dalam kalangan syarikat, terutama anak syarikat kerajaan negeri.

Sungguhpun demikian, dalam konteks anak syarikat milikan kerajaan negeri Kedah, yang rata-rata pemegang saham, pengarah dan pengurusan syarikat adalah individu beragama Islam, maka kewajipan menurut Syarak adalah terpakai kepada anak syarikat terbabit untuk menunaikan zakat pendapatan.

Cabaran dalam Penguatkuasaan Undang-Undang Zakat

Walaupun terdapat peruntukan undang-undang yang jelas, penguatkuasaan kewajipan membayar zakat masih menghadapi pelbagai cabaran. Kajian oleh Yaakub (2023) mendapati bahawa kelemahan dalam penguatkuasaan menyebabkan kesukaran memastikan pematuhan sepenuhnya oleh umat Islam dan entiti perniagaan. Kelemahan ini termasuk kekurangan mekanisme pemantauan dan tindakan terhadap pihak yang gagal menunaikan kewajipan zakat. Oleh itu, penambahbaikan dalam aspek penguatkuasaan dan kesedaran adalah penting untuk memastikan kutipan zakat mencapai potensi penuh.

Selain itu, kajian oleh Arsad et al. (2024) mengenai implikasi perundangan terhadap pentadbiran zakat pasca kes Nik Elin menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk memperkukuhkan kuasa legislatif negeri dalam menggubal undang-undang berkaitan urusan agama, termasuk pentadbiran zakat. Keputusan kes tersebut menekankan kepentingan penguatkuasaan undang-undang zakat yang lebih tegas bagi memastikan pematuhan oleh semua pihak yang terlibat.

Potensi Kutipan Zakat Perniagaan

Kajian oleh Abdul Wahab dan Borhan (2017) bertajuk "Potensi Kutipan Zakat Perniagaan Syarikat Tersenarai Awam di Malaysia" menyoroti potensi besar dalam kutipan zakat daripada entiti perniagaan di negara ini. Walaupun terdapat potensi kutipan zakat perniagaan yang signifikan, realiti semasa menunjukkan bahawa kutipan zakat perniagaan masih belum mencapai tahap yang diharapkan. Kajian ini mencadangkan bahawa kurangnya kesedaran dan pemahaman mengenai kewajipan zakat perniagaan serta kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang berkaitan menjadi faktor penyumbang kepada situasi ini.

Penutup

Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 menetapkan kewajipan pembayaran zakat kepada syarikat-syarikat milik penuh Muslim. Namun, satu cabaran yang ketara adalah syarikat anak negeri sering kali tidak sepenuhnya dimiliki oleh orang Islam. Ini mengurangkan kewajipan untuk membayar zakat, kerana peruntukan enakmen Kedah hanya menetapkan zakat ke atas syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh orang Islam. Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman perlu memperluaskan skop pematuhan zakat oleh syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan negeri secara tidak langsung.

Syarikat lebih mengutamakan sumbangan dalam bentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) daripada menunaikan zakat. Ini merupakan salah satu sebab utama mengapa kutipan zakat dalam kalangan anak syarikat kerajaan negeri Kedah kurang diutamakan. Terdapat juga kes di mana anak syarikat memilih insentif undang-undang sivil dan lebih memberi keutamaan kepada pembayaran cukai berbanding zakat.

Lembaga Zakat Negeri Kedah memerlukan mekanisme perundangan yang lebih efektif bagi memastikan kutipan zakat yang lebih sistematik dan konsisten dalam kalangan anak syarikat kerajaan negeri Kedah.

Penghargaan

Artikel ini merupakan versi lanjutan daripada Persidangan Antarabangsa Zakat, Cukai, Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Kali Ke-3 2024 (ZAWED 2024) dan hasil kerjasama antara Universiti Utara Malaysia dan Lembaga Zakat Kedah.

Rujukan

- Lembaga Zakat Selangor. (n.d.). *Pengertian Zakat*. Diambil daripada <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/pengertian-zakat/>
- IkramShare. (2024). *Fungsi Zakat dalam Sistem Ekonomi Islam*. Diambil daripada <https://ikramshare.blogspot.com/2024/12/fungsi-zakat-dalam-sistem-ekonomi-islam.html>
- Pusat Pungutan Zakat-MAIWP. (n.d.). *Syarat Wajib Zakat*. Diambil daripada <https://www.zakat.com.my/info-zakat/syarat-wajib/>
- Abdul Wahab, A., & Borhan, J. T. (2017). Potensi kutipan zakat perniagaan syarikat tersenarai awam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 24(2), 209-228.
- Ahmad, S., et al. (2021). Pelaksanaan Mekanisme Kutipan Zakat Perniagaan: Satu Pendekatan Proaktif oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 9(1), 45-60.
- Ahmad, S., Jamaluddin, N. A., Abdullah, S. F., Abdullah, S., & Mohamad, A. (2021). Pelaksanaan Mekanisme Kutipan Zakat Perniagaan: Satu Pendekatan Proaktif oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 3(6), 1-10.
- Arsad, M. I., Jamaludin, M. H., & Samudin, S. A. (2024). Pentadbiran Zakat Pasca Kes Nik Elin: Implikasi Perundangan Terhadap Keberkesanan Sistem Zakat Malaysia. *Asian Journal of Law and Governance*, 6(4), 74-83.
- IkramShare. (2024). *Fungsi Zakat dalam Sistem Ekonomi Islam*. Diambil daripada <https://ikramshare.blogspot.com/2024/12/fungsi-zakat-dalam-sistem-ekonomi-islam.html>
- Lembaga Zakat Selangor. (n.d.). *Pengertian Zakat*. Diambil daripada <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/pengertian-zakat/>
- Pusat Pungutan Zakat-MAIWP. (n.d.). *Syarat Wajib Zakat*. Diambil daripada <https://www.zakat.com.my/info-zakat/syarat-wajib/>
- Yaakub, F. (2023). Kewajipan Membayar Zakat: Analisis.